

Pengajian Melayu di Rusia

Oleh

Victor A. Pogadaev

Meskipun karya ilmiah pertama dalam bidang kajian Melayu telah muncul di Rusia pada kurun ke-XVIII atas perintah ratu Catherine Agung, sebuah kamus komparatif daripada 180 bahasa dan loghat termasuk bahasa Melayu diterbitkan. Penyelidikan yang mendalam bermula hanya pada kurun ke-XX. Orang yang menganjurkan kajian itu ialah Alexander Guber (1902-1971), pakar dalam bidang sosial dan politik dan seorang lagi Lyudmila Mervart (1888-1965). (Parnikel 1995; Pogadaev 1996).

Usaha mereka membuahkan hasil yang cemerlang; pada tahun 1950-an bahasa Melayu/Indonesia mula dipelajari di beberapa institusi pengajian tinggi termasuk Institut Ketimuran (1949, tutup pada tahun 1954), Institut Perhubungan Antarabangsa (di bawah Kementerian Luar Negara) (1954), Institut Bahasa-Bahasa Timur di Universiti Negara Moscow Lomonosov (1956) dan Universiti Negara Leningrad (1959). Sumbangan Mervard memang sangat penting kerana beliau bukan sahaja mengendalikan pengajaran bahasa Melayu/Indonesia, tetapi juga menyusun buku-buku teks yang pertama untuk dijadikan buku teks utama bagi para pelajar selama puluhan tahun. Begitu juga dengan Guber, beliau adalah orang yang pertama menerbitkan buku tentang Indonesia sejak pada tahun 1920-an lagi dan beliau juga sebagai ahli Akademi Sains Rusia telah berjaya membimbing ramai pakar dalam bidang sejarah.

Mulai dari tahun 1990-an, bahasa Melayu diperkenalkan pula di Institut Sains Kemanusiaan, Institut Pelajaran Timur Amali dan Institut Ketimuran (swasta). Pada tahun 2004, terdapat seramai 62 orang mahasiswa di keenam-enam institusi tersebut.

Apa yang perlu diambil perhatian ialah bahasa Melayu telah ditawarkan sebagai mata pelajaran teras bukan pilihan. Para mahasiswa dikehendaki mempelajari bahasa tersebut selama 4 hingga 5 tahun (sesuai dengan sistem pendidikan masing-masing). Penting dinyatakan juga bahawa Universiti Negara Moscow Lomonosov adalah satu-satunya institusi pengajian tinggi di Eropah yang mengamalkan pengajaran secara berasingan di antara bahasa Melayu (Malaysia) dengan bahasa Melayu (Indonesia).

Sehingga sekarang, pengajaran bahasa Melayu tertumpu pada dua bandar sahaja: Moscow dan Saints-Petersburg. Pada masa kini, wujud satu lagi aliran baru. Minat terhadap bahasa Melayu diperlihatkan oleh Universiti Amur (bandar Blagoveshensk) dan Universiti Timur Jauh (bandar Vladivostok). Namun demikian, hasrat itu telah dihalang oleh kekurangan tenaga pengajar.

Untuk selama beberapa puluhan tahun, terbentuklah dalam bidang Sains Ketimuran Rusia "sekolah Pengajian Melayu" yang agak matang dan berwibawa dengan pakar-pakar dalam berbagai bidang: Alieva N.F., Ogloblin A.K., Pavlenko A.P. (1939-1970), Prokofiev G.I. (1923-1978), Sirk U.H. dalam linguistik; Braginsky V.I., Parnickel B.B. (1934-2004), Sikorsky W.V., Smurova N.M. dalam kesusasteraan; Tyurin V.A., Tsiganov V.A., Bandilenko G.G. (1946-2002) dalam sejarah; Korigodsky R.N., Tesyolkin A.S., Pogadaev V.A. dalam leksikografi; Solomonik I.N. dan Chukina N.P. (1941-1996) dalam kebudayaan serta Revunenkov E.V., Chlenov M.A. dalam etnologi.

Para sarjana Rusia telah berjaya menerbitkan karya-karya ilmiah yang mendapat sambutan baik di kalangan para ilmuan antarabangsa yakni *Tatabahasa*

Indonesia (1972), *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1990), *Kamus Bahasa Russia-Bahasa Malaysia* (1986), *Sejarah Kesusasteraan Melayu* (1983), dan *Sejarah Indonesia* (1991). Tumpuan khas adalah untuk penyelidikan dalam bidang leksikografi.

Keperluan sebenar kamus yang disusun benar-benar atas dasar ilmiah sudah mula dirasai pada tahun 1920-an apabila kajian Melayu ditaja oleh para akademik Rusia; E.D. Polivanov dan L.A. Mervart. Akan tetapi langkah-langkah konkrit dalam bidang ini hanya diambil pada tahun 1950-an di mana bahasa Melayu/ Indonesia mula diajarkan di beberapa institusi pengajian tinggi di Moskow dan selebihnya di St Petersburg. Semenjak dari itu, para leksikograf telah menerbitkan lebih daripada 15 buah kamus bahasa Melayu/Indonesia, yang mana beberapa daripadanya misalnya setanding dengan *Kamus Umum Bahasa Indonesia* oleh W. Poerwadarminta di Indonesia ataupun *Kamus Dewan* Teuku Iskandar di Malaysia. (Poerwadarminta 1976; Teuku 1984).

Kamus yang pertama diterbitkan pada tahun 1958, iaitu *Kamus Kantung Rusia-Indonesia* oleh N.F. Bulygin L.I. Ushakova (Bulygin 1958) yang berukuran 6 x 8.5 sm mengandungi 7,000 patah perkataan. Harus diingat bahawa penyusunan dan penerbitan kamus digalakkan pada masa itu kerana adanya perhubungan yang erat di antara Rusia dan Indonesia. Di samping itu juga, ramai mahasiswa Indonesia datang ke Rusia untuk menuntut ilmu di sana.

Satu peristiwa penting dalam bidang perkamusan ialah pada tahun 1961, terbitnya *Kamus Indonesia-Rusia* yang disusun oleh R.N. Korigodsky, O.N. Kondrashkin, dan B.I. Zinowjev dengan penyuntingnya Suhadiono dan A.S. Teselkin (Korigodsky 1961). Kamus ini ialah kamus bahasa Indonesia yang pertama dan lengkap. Ianya mengandungi 45,000 kata entri. Selama kira-kira 30 tahun, kamus ini merupakan kamus bahasa Indonesia utama yang digunakan oleh para pakar bahasa, penterjemah dan mahasiswa Rusia serta mendapat sambutan yang baik di luar negara. Misalnya, seorang ahli linguistik Poland yang ternama iaitu R. Stiller pernah menulis, "Mungkin tidak ada kamus bahasa Melayu moden lain di dunia sekarang ini yang lebih baik daripada *Kamus Indonesia-Rusia* tersebut. Buku panduan yang sangat padat itu sangat mustahak untuk semua yang berkecimpung ke alam pengajian Melayu".⁶

Penghargaan yang tinggi itu memang layak kerana kamus ini sangat padat dan lengkap. Ia memuatkan perkataan-perkataan, ungkapan kesusasteraan dan politik, istilah pelbagai jenis ilmu pengetahuan termasuklah sejumlah kata-kata yang perlu diketahui untuk membaca buku-buku kesusasteraan lama. Satu lagi keistimewaan kamus ini ialah terdapatnya lampiran ikhtisar ringkas nahu bahasa Indonesia yang disusun oleh A.S. Teselkin. Oleh yang demikian, bagi orang Rusia, kamus ini merupakan buku teks yang dapat membantu mereka untuk mempelajari bahasa Indonesia.

Pada tahun 1972, E.S. Belkina, A.P. Pavienko, A.S. Teselkin dan L.I. Ushakova serta Sjahrul Sjarif sebagai penyunting telah menyusun *Kamus Rusia-Indonesia* yang mengandungi kira-kira 27,000 patah perkataan (Belkina 1972). Kamus ini ialah kamus bahasa Rusia-Indonesia pertama yang diterbitkan dengan begitu lengkap sehinggakan berjaya menterjemahkan teks-teks yang agak sukar daripada cabang ilmu sains yang beraneka ragam dan karya-karya sastera Rusia.

Perkembangan perhubungan di antara Rusia dan Malaysia mendorong ke arah penyusunan dan penerbitan *Kamus Malaysia-Rusia-Inggeris* oleh N.V. Rott, V.A. Pogadaev, dan A.P. Pavienko pada tahun 1977 (Rott 1977). Penyusunan kamus ini adalah atas daya usaha ahli linguistik dan leksikograf Rusia yang ternama,

A.P. Pavlenko (Pogadaev 1996). Beliau yang cergas berkecimpung dalam bidang linguistik telah memberi tumpuan kepada bahasa-bahasa Nusantara (Bahasa Sunda, Bahasa Indonesia dan dialek Jakarta). Tokoh itu patut juga dipuji kerana beliau adalah orang yang pertama mula mengajar bahasa Melayu dalam versi bahasa Malaysia di Universiti Moscow. Sembilan tahun kemudian, pada 1986 terbit pula *Kamus Bahasa Rusia-Bahasa Malaysia* yang disusun oleh V.A. Pogadaev selaku Ketua Penyusun dan N.V. Rott (Pogadaev 1986). Kamus ini mengandungi lebih kurang 30,000 perkataan berbagai-bagai bidang. Ia memudahkan usaha membuat terjemahan teks-teks Rusia walau pun tahap kesukarannya tinggi, termasuklah hasil karya kesusasteraan.

Kita juga tidak harus ketepikan akan *Kamus Besar Bahasa Indonesia-Rusia* dalam 2 jilid susunan R.N. Korigodskyi sebagai penyelia, O.N. Kondrashkin, B.I. Zinowyev, dan W.N. Losyagin (Korigodsky 1990). Kamus ini memuatkan 56,000 patah perkataan dan 48,000 rangkai kata telah menjadikan ia paling lengkap yang pernah diterbitkan di Rusia.

Keistimewaan *Kamus Besar Bahasa Indonesia-Rusia* itu ialah ia memiliki ciri-ciri ensiklopedia, suatu hal yang tidak pernah wujud dalam edisi sebelumnya. Selain daripada perkataan umum, dalam kamus ini juga disenaraikan nama-nama daerah yang bersejarah, badan kerajaan, parti politik dan organisasi masyarakat Indonesia, wilayah dan daerah penting Indonesia, kota madya dan kecamatan Jakarta Raya, daerah militer Indonesia, provinsi Cina, negeri-negeri di Malaysia, surat khabar dan majalah Indonesia yang utama, nama beberapa universiti Indonesia, nama negarawan, ahli politik, agama, ilmuwan dan budayawan Indonesia yang terkemuka, watak wayang, binatang, tumbuh-tumbuhan, alat kerja dan lain-lain dengan penghuraian dan kadang-kadang dalam bentuk ilustrasi. Cara penyusunan kata dan simpulan kata (tepat pada huruf yang pertama) memudahkan penggunaan kamus itu. Malangnya kayu ukur kemasukan unsur ensiklopedia itu agak kabur sekali. Meskipun begitu, tidak syak lagi bahawa karya ini adalah antara yang paling unggul. Seperti yang ditulis oleh ahli linguistik Rusia G.L. Kisselbrenner, profesor Institut Perhubungan Antarabangsa di Moskow, "Sekarang sudah boleh dipastikan bahawa kamus ini adalah sebuah penerbitan yang berjaya. Ianya telah lulus ujian yang paling sukar yakni ujian masa" (Kisselbrenner 1994).

Berbeza dengan negara-negara lain, di Rusia diamalkan penerbitan kamus bahasa Indonesia dan bahasa Melayu (Malaysia) secara selari. Amalan ini dikukuhkan oleh pendirian ahli linguistik Malaysia sendiri. Misalnya, Lutfi Abas selepas menghuraikan sebuah iklan dalam bahasa Melayu, membuat kesimpulan bahawa terdapat sebanyak 63% perkataan daripada iklan itu yang tidak difahami, disalahertikan, diragukan dan dianggap aneh oleh orang Indonesia (Lutfi 1971). Selepas penyeragaman ejaan dibuat, jumlah perkataan seperti itu berkurangan tetapi dalam keadaan sebenarnya, menunjukkan bahawa penyeragaman dua versi bahasa itu tidak selaras. Contohnya banyak sekali dan bahkan peminjaman kata baru digunakan dengan pola yang berlainan (misalnya "pengklonan" di Malaysia dan "kloning" di Indonesia).

Kerja-kerja penyusunan kamus Melayu tetap dilaksanakan; pada tahun 2004 telah diterbitkan Kamus Rusia-Indonesia oleh L.N. Demidyuk dan V.A. Pogadaev (Demidyuk 2004) dan pada tahun 2008 Kamus Indonesia-Rusia, Rusia-Indonesia oleh V.A. Pogadaev (Pogadaev 2008). Salah satu rancangan baru ialah penyusunan Kamus Melayu-Rusia dengan kerjasama pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.

Banyak perhatian ditumpukan kepada kajian sastera rakyat Melayu terutamanya pantun. Pengajian secara ilmiah tentang pantun untuk julung-julung kali

dilakukan oleh pengkaji sastera rakyat Rusia iaitu A.N. Veselovsky (1838-1906) dalam karyanya yang kemudian diterbitkan dengan judul *Istoricheskaya Poetika* (Puitika Sejarah) (Veselovsky 1940). Karya beliau itu dikaji tentang paralelisme psikologi dalam pantun. Menurut beliau, dua motif dalam pantun dibandingkan, satu daripadanya menjelaskan bahawa tema utama selalunya berkisar tentang kemanusiaan (bukan alam).

Lyudmila Mervart juga pernah memberi tumpuan kepada pantun dalam bahagian kata pengantar kepada terjemahan buku G. Neverman (Neverman 1961). Beliau memaparkan keistimewaan pantun sebagai sastera rakyat dan juga asal usulnya. Menurut beliau, pantun yang terdapat dalam cerita penglipur lara memainkan peranan sebagai “tonggak ingatan” kerana pantun yang berbentuk puisi mudah dihafal dan diingati. Menurut Mervart, pantun merupakan salah satu punca lahirnya peribahasa kerana kebanyakannya, baris ketiga dan keempat pantun mengandungi sifat-sifat dan jati diri rakyat.

Pengikutnya yang setia, Boris Parnickel dalam beberapa karyanya (Parnickel 1980) menitikberatkan masalah asal usulnya pantun dengan menyatakan bahawa bentuk sastera rakyat itu sudah wujud sebelum pengaruh Hindu di Nusantara. Beliau berkongsi dengan hipotesis Gonda bahawa pantun lahir semasa nenek moyang penduduk Austonesia masih menghuni di wilayah Cina Selatan.

Yang paling terperinci, pantun dihuraikan oleh Vladimir Braginsky, kini Profesor SOAS, Universiti London (Braginsky 1983). Beliau telah mengkaji struktur pantun (pembayang maksud dan maksud serta pertalian di antaranya) dan jenisnya (pantun dagang, pantun nasihat dll.), menandakan bahawa pada kurun XIV-XV, pantun sudah mula terdapat di dalam sastera persuratan (*Hikayat Raja-Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*). Beliau juga memerhatikan tentang masalah simbolisme dan peranan irama dalam pantun.

Maria Boldireva pernah membuat kajian tentang irama pantun dan mencuba menggunakan pendekatan Rusia mengenai rimanya (sistem tonik yang biasa wujud dalam bahasa dengan tekanan yang khusus) yang bertentangan dengan pendapat A. Teeuw bahawa tidak mungkin boleh menggunakan pendekatan Eropah terhadap rima pantun (Boldireva 1973). Beliau juga menarik perhatian kepada pengaruh sastera rakyat termasuklah pantun terhadap puisi beberapa penyair Indonesia moden. Misalnya beliau mencatat bahawa Sitor Situmorang dalam *Lagu Gadis Italia* telah menggunakan irama pantun.

Perlu diketahui bahawa sebelum dan sesudah Revolusi Oktober 1917, di Rusia ada aliran puisi yang dinamakan *Abad Perak*. Beberapa wakil penulisnya terpengaruh dengan sastera rakyat Melayu terutamanya pantun; malahan ada yang pernah menulis puisi berirama dan berbentuk pantun berkait. Dalam karya *Malayskie Pesni* (Lagu-lagu Melayu) misalnya yang diciptakan oleh Valery Bryusov (1873-1924) pada tahun 1909, kita dengan senang boleh mengenali unsur-unsur keindahan Melayu seperti; keharuman bunga cempaka “yang diserapi oleh angin”, pokok beringin, pisang, pandan, kelapa, sawah dan harimau di belukar rimba serta ombak putih di pantai laut. Sudah tentunya betapa puitisnya watak dan rentak muziknya:

Gelombang putih di pantai laut,
Siang malam ombak menderu.
Bunga putih di padang banyak.
Yang kena di hati cuma satu.

Pasang naik - air mendalam.
Mulut rakus menelan orang...
Nak cumbu rayu siang malam
Rindu aku bukan kepalang.

Di langit bulan purnama putih
Laut menari mabuk kepayang
Mukamu – bulan, bibirmu merah,
Jantung menari di dada sayang.

Angin berhembus berbau cempaka
Kurma, kelapa, pandan dan pisang.
Pengantin gembira, di leher pedaka,
Tocang beriben, tangan bergelang.

Padi memutih disinari bulan.
Kelawar hitam berandai-randai
Pengantin baru berdakap-dakapan
Isteri dicium dan dibelai.

Harimau ke rimba pagi-pagi,
Ular pagi-pagi ke dalam lubang.
Pagi-pagi panas terik matahari,
Aku cari teduh di gunung-ganang.

(terjemahan ke bahasa Melayu: Victor Pogadaev)

Sebuah puisi Adelina Adalis (1900-1969), *Lagu Serenada* yang berirama pantun adalah sangat popular pada awal kurun ke-XX. Sama juga seperti teater bersajak Nikolay Gumilyev (1866-1921) “Anak Allah” (1917), satu bab yang mana ditulis dengan bentuk pantun berkait. Yang menarik juga bahawa para wakil aliran *Abad Perak* menganut konsep tentang kekuatan kreatif karya sastera yang hampir serupa dengan konsep magia sastera yang ada pada sastera Melayu klasik. Ini bermaksud bahawa keupayaan hasil karya sastera menimbulkan para pendengar perasaan-perasaan tertentu termasuklah cinta dan memberi pengaruh bersifat menenangkan atau merawat jiwa. Kepercayaan kepada sifat material perkataan seperti diketahui dicerminkan di dalam *Sejarah Melayu* di mana musuh boleh dibunuh dari jauh oleh kata ibarat anak panah. Misalnya Anna Akhmatova (1889-1966) dalam salah sebuah puisinya pernah menulis:

Rzhaveet zoloto, i istlevset stal',
Kroshitsa mramor. K smerti vsyo gotovo,
Vsego prochnee na zemle - pechal'
I dolgovechnei tsarstvennoe slovo

Emas berkarat pun, besi berkarat juga
Pecah pualam, tidak ada benda yang kekal
Yang diabadi pada alam hanya dukacita
Dan kata indah takkan pasti meninggal.

Pantun Melayu popular di Rusia sehingga masa kini. Pada tahun 1996 dalam antologi puisi tradisional dan moden Melayu (Ruchei 1996) yang diselia oleh Boris Parnickel, termuat terjemahan 69 buah pantun. Jika dibandingkan, terdapat ada persamaan; misalnya bunyi rima akhir pantun dalam terjemahan ke dalam bahasa Rusia:

Lodka legko rassekaet volnu.
Zolotoi banan dozrevaet v teni.
Den'gi zaniial i totchas vernul.
Dolg serdechnyi poprobui verni

Pisang emas bawa berlayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas dapat dibayar
Hutang budi dibawa mati.

* * *

Singapur novym gorodom vse nazyvaiut.
Mister Rafflz pravit im po zakonu.
Ty zhasmin moi! Chempaka moia golubaia!
Ty kak nezhnyi tsvetok v zubakh u drakona.

Singapura negeri baharu
Tuan Raffles menjadi raja
Bunga melur, cempaka biru
Kembang sekuntum di mulut naga.

* * *

Malen'kii domik u samogo moria.
Kto-to v tom dome na skripke igraet.
Serditse lishit menia razuma vskore,
Vidia figurku tvoiu, zamiraet.

Rumah kecil pintu ke laut.
Tempat orang menggesek biola
Tubuh kecil bagai diraut
Di situ hatiku gila.

Beberapa penyair moden Rusia juga tertarik kepada pantun dan menciptakan puisinya dengan menggunakan irama pantun. Misalnya Svetlana Gorshunova (1974-2001), penyair muda yang berbakat dengan nasib tragik mempunyai puisi berjudul *Pantun. Malaysky Stikh* (Pantun. Puisi Melayu) (Gorshunova).

Ne les, ne step', ne breg morskoi
Uvodiat nas, vlekut, zovut,
I my, plenennye, gur'boi
V odin vpletaemsia marshrut.

Uvodiat nas, vlekut, zovut
Ushchel'ia strannykh, dikikh gor.
V odin vpletaemsia marshrut
Strastiam svoim naperekor.

Bukan hutan, bukan padang, bukan pantai laut
Memanggil, menarik dan memikat kita.
Dan terpesona beramai-ramai
Kita berlepas ke destinasi sama.

Memanggil, menarik dan memikat kita
lalah jurang gunung yang buas dan ganjil.
Kita berlepas ke destinasi sama
Mencabar nasib dan hari depan.

Kadang-kadang, penyebutan pantun ditemui dalam karya prosa juga. Dalam cereka sains *Vlastelin Mira* (Penguasa Dunia) oleh Nikolai Dashkiev, ada episod kematian seorang hero utama. Jadi temannya meratapinya dan berkata: "Kau mati sebelum negara kita bebas, tetapi dalam bakal kemenangan kita ada sumbangan kau juga dan ibu-ibu Melayu akan menyanyikan pantun tentang keberanian kau..." (Dashkiev).

Beberapa karya ulung sastera Melayu (*Hikayat Hang Tuah, Hikayat Seri Rama, Hikayat Sang Boma*) dan karya penulis dan penyair moden Melayu/ Indonesia diterjemahkan ke dalam bahasa Rusia juga.

Apa yang patut dinyatakan di sini ialah nama Lyudmila Mervart yang menterjemahkan *Hikayat Seri Rama, Hikayat Sang Boma* dan Sergey Severtsev (1924-1991). Berkat usaha beliau, para pembaca Rusia untuk julung-julung kali berkenalan dengan puisi Amir Hamzah, Chairil Anwar, Rivai Apin, Sitor Situmorang, Ayip Rosidi Armein Pane, Sanusi Pane dll. (Golosa 1963). Beliau berjaya mengekalkan intonasi sajak setiap penyair dan memaparkan cita-citanya. Ada juga menterjemahkan karya Marah Rusli *Siti Nurbaya* (1960), karya Abdul Muis *Salah Asuhan* (1960) dan karya Pramudya Ananta Toer *Bumi Manusia* (1986). Pada tahun 2000, kumpulan terjemahan sajak Rendra diterbitkan oleh Prof. Willen Sikorsky (Rendra 2000).

Untuk sastera moden Malaysia pula, pengasas penterjemahannya ialah Boris Parnickel yang pada tahun 1962 telah menterjemahan beberapa buah cerpen Usman Awang dan A. Samad Ismail (U Obochini 1962- Di tepi jalan). Selepas itu diterbitkan pula antologi cerpen *Dobroye Delo* (Kerja Amali) (1973), *Sovremennaya Malayziyskaya Novella* (Cerpen Moden Malaysia) (1977), novel Usman Awang *Tam Gde Ikh Nastigla Pulya* (Tulang-Tulang Berselerakan) (1984) (penterjemah Alla Rozhanskaya), novel Shahnnon Ahmad *Omut* (Seluang Menodak Baung) (1987) (penterjemah Tatiana Dorofeeva), novel Anuar Ridhwan *Bili i Nebili Ostrovov Ogosoto* (Naratif Ogonshoto) (2006) (kata pengantar dan terjemahan oleh Victor Pogadaev) (Anuar 2006).

Pembaca Rusia menyambut baik penterjemahan puisi Melayu. Buku antologi *Rucei* (Sumur di Ladang) yang disebut di atas untuk pertama kali memaparkan segala kekayaan puisi Melayu: daripada puisi tradisional (pantun dan petikan dari *Syair Ken Tambuhan* dan *Syair Siti Zubaidah*) sehingga puisi moden: Usman Awang, A Samad Said, Kassim Ahmad, A Latif Mohidin, Baha Zain, Muhammad Haji Saleh, Siti Zainon Ismail, Kemala, Zurinah Hassan, Suhaimi Haji Muhamad, Sutung Umar, A Ghafar Ibrahim, Jihati Abadi, Anis Sabirin, Jaafa H.S., Firdaus Abdullah, Shafie Abu Bakar, Adi Badiozaman Tuah, Rahman Shaari, Rejab FI, A.Wahab Ali, T Alias Taib, JM Aziz, Zaihasra, Dharmawijaya, Wan A Rafar, Shamsuddin Jaafar, Mansor Ahmad Saman, Abdulhadi Muhamad dan Ahmad Razali serta Lim Swee Tin.

Pada tahun 2001, V.A. Pogadaev dan A.V. Pogadaeva mula mengusahakan penerbitan satu siri terjemahan puisi penyair Melayu/Indonesia. Buku puisi yang pertama ialah oleh Kemala (Kemala 2001) yang diikuti dengan buku oleh Aziz Deraman (Aziz 2002), Baha Zain (Baha 2003), Taufiq Ismail (Taufiq 2004), Hashim Yaacob (Hashim 2005) serta Rahimidin Zahari (Rahimidin 2007). Terjemahan puisi Aziz Deraman pernah juga diterbitkan di dalam majalah *Inostrannyaya Literatura* (Sastera Dunia), majalah sastera antarabangsa yang paling tua di Rusia (diterbitkan pada tahun 1891) dan memuatkan hasil karya terjemahan yang terbaik dari seluruh dunia.

Peluang Internet digunakan secara aktif untuk mempopularkan sastera Melayu di Rusia: Karya Aziz Deraman, Baha Zain, Hashim Yaacob, Kemala, Rahimidin Zahari boleh dibaca dalam bahasa Rusia di majalah sastera "Pereplet" (<http://www.pereplet.ru/avtori/pogadaev.html>).

Sekarang ini, di Rusia, pengajian Melayu menduduki tempat yang penting di Institut Negara-Negara Asia dan Afrika (Universiti Negara Moscow Lomonosov) - ISAA, di Institut Perhubungan Antarabangsa - MGIMO, di Universiti Sains Kemanusiaan Rusia - RGGU dan juga di Universiti Negara St. Petersburg - SPbGU. Penyelidikan dalam bidang Melayu/Indonesia dijalankan juga oleh Muzium Antropologi dan Etnografi Akademi Sains Rusia di St. Petersburg (6,500 bahan pameran) dan Muzium Negara Kebudayaan Timur di Moscow (lebih daripada 600 bahan pameran).

Peranan khusus dalam pengajian Melayu dimainkan pada waktu akhir-akhir ini oleh Persatuan Nusantara (PN) yang ditubuhkan pada 10 Januari 1990 dan didaftarkan pada 7 Julai 1992 (The Nusantara 1996; Persatuan 1996). Ia menjadi anggota bersekutu kepada Persatuan Eropah bagi Pengkajian Asia Tenggara sejak tahun 1994. Persatuan ini terdiri dari (kira-kira 70) fellow penyelidik, profesor, pensyarah, pelajar dan siswazah dari institusi akademik, universiti dan sekolah tinggi di Moscow dan St. Petersburg yang mempelajari tentang daerah luas yang didiami oleh orang-orang yang menggunakan bahasa Austronesia. Ini termasuklah Indonesia, Malaysia, Negara Brunei Darussalam, Filipina, Madagascar dan Lautan Pasifik (Oceania) begitu juga Singapura, Thailand, Vietnam dan Taiwan (Republik China) dengan penduduk minoriti Austronesia.

Tujuan utama aktiviti saintifik Persatuan Nusantara ini ialah penubuhan kontak saintifik dengan institusi dan universiti di Nusantara, Eropah, Amerika Syarikat dan Australia, mengadakan pertukaran buku, majalah dan lain-lain bahan, menyusun penyelidikan bersama, mengatur pertemuan dan seminar. Persatuan ini juga bercadang untuk menggalakkan kerja penyelidikan siswazah dan pelajar dengan memberi kemudahan percubaan kepada ahli-ahli ilmuan Rusia, siswazah dan pelajar di seberang laut. Persatuan ini bersedia sedaya upaya yang boleh dilakukan untuk memberi sokongan dalam pertukaran informasi di antara negara-negara Nusantara dengan Rusia, mengadakan berbagai jenis pameran, pertunjukan, penayangan video dan filem di samping memberi kemudahan kunjung-mengunjungi di antara kedua-dua belah pihak.

Sehingga sekarang Persatuan Nusantara banyak bergantung kepada Institut Negara-Negara Asia Afrika di Universiti Negara Moscow Lomonosov dan Persatuan Geografi Rusia cawangan Moscow yang menjadi tempat bersidang dan di mana seminar Melayu-Indonesia; tempat penubuhan Persatuan Nusantara ini. Seminar itu sudah wujud sejak tahun 1967 di Jabatan Sejarah Negara-Negara Timur Jauh dan Asia Tenggara, Institut Bahasa-Bahasa Timur atas inisiatif ahli akademi Guber.

Kegiatan-kegiatan yang pernah dikendalikan oleh Persatuan Nusantara ialah persidangan “Kebudayaan Nusantara: Kesatuan dalam Perbezaan” (1992); Pameran DBP “Dunia Buku di Malaysia” (1993), persidangan memperingati ulang tahun ke-700 empayar Jawa Majapahit (1993); persidangan “Filipina Sebagai Bahagian Integral Dunia Melayu” (1993); persidangan tentang kecenderungan pembentukan kebudayaan Singapura sempena 175 tahun penubuhan bandar Singapura (1994), persidangan “Bandar-Bandar Metropolitan di Nusantara” (1994), persidangan sempena ulang tahun ke-50 bermula pengajaran Bahasa dan Sastera Melayu di Rusia (1995); seminar antarabangsa “Pembinaan Negara dan Proses Perkembangan Sastera/Budaya di Asia Tenggara” (1996); persidangan sempena ulang tahun ke-150 harijadi N. N. Mikloukho-Maclay (1996); persidangan sempena ulang tahun ke-30 penubuhan hubungan diplomatik antara Rusia dan Malaysia (1997) serta persidangan sempena ulang tahun ke-30 penubuhan seminar Melayu Indonesia (1997).

Ramai ahli Persatuan Nusantara juga turut mengambil bahagian di dalam berbagai persidangan dan pertemuan di Nusantara seperti Kongres Bahasa Melayu Sedunia di Kuala Lumpur. Penganjuran Kolokium Eropah ke-XI mengenai Kajian Melayu-Indonesia di Moscow pada tahun 1999 oleh Persatuan Nusantara menjadi bukti nyata kewibawaannya di persada antarabangsa.

PN bergiat juga sebagai badan penerbit yang berusaha menerbitkan kumpulan makalah dalam siri “Kajian Melayu-Indonesia” daripada kertas kerja yang biasanya dibentangkan dalam mana-mana persidangan (penerbitan keluaran yang ke-XVI pada tahun 2004). Selain daripada itu, cawangan PN di St. Petersburg (diketuai oleh Prof. Ogloblin) pernah menerbitkan secara berkala kumpulan makalah tentang kebudayaan Nusantara (sekarang sudah berhenti).

Kegiatan PN tidak boleh dipisahkan daripada kegiatan penganjur dan presidennya Dr. Boris Parnickel sejak mula penubuhannya sehinggalah meninggal dunia setelah 45 tahun berkecimpung dalam bidang pengajian Melayu.

Tumpuan perhatian beliau pada umumnya ialah karya-karya epik dan tradisi terutama *Hikayat Hang Tuah* yang diterjemah dan diterbitkannya di Rusia pada tahun 1984. Budaya Nusantara memberi peluang kepadanya untuk membincangkan masalah persamaan sastera dan sintesis sastera serta pertalian antara sastera lisan dengan sastera buku; tema yang selalu dicerminkan dalam puluhan rencana Parnickel. Sastera rakyat menduduki tempat istimewa dalam karyanya (termasuk kajian cerita-cerita dongeng Bali dan Filipina) terutamanya tradisi lisan yang masih kekal pada tahun 1990-an, ketika beliau melawat beberapa kali ke Malaysia termasuk penyampaian kuliah di Universiti Sains Malaysia. Beliau pernah mencatat karya lisan *Awang Semerah Muda* daripada seorang penglipur lara dan menerbitkan terjemahannya pada tahun 1994. Karya ini telah menjadi sumbangan besar terhadap kajian sastera rakyat di rantau ini. Salah satu pencapaian besar beliau ialah penubuhan Persatuan Nusantara yang memberi peluang kepada para ahli kaji Timur untuk bertukar-tukar pendapat, menggalakkan kajian Melayu di Rusia serta mengadakan perhubungan erat dengan para sarjana dan pertubuhan ilmiah Nusantara terutama sekali di Malaysia.

Kesimpulan

Daripada apa yang dihuraikan di atas, jelaslah bahawa Pengajian Melayu di Rusia dijalankan secara aktif, mencakupi banyak lapangan dan memperlihatkan pencapaian yang meyakinkan terutama dalam bidang pembelajaran, perkamusan, penyelidikan sastera serta penterjemahan sastera. Nama beberapa sarjana Rusia yang berkecimpung dalam bidang pengajian Melayu sudah terkenal di luar Rusia

termasuklah Malaysia. Malangnya oleh kerana kebanyakan hasil karya ilmiah sarjana Rusia ditulis dalam bahasa Rusia, maka pencapaian yang sedia ada tidak dikenali dengan baik oleh kalangan saintis di luar negara. Seandainya bahasa Rusia diperkenalkan sebagai salah satu mata pelajaran untuk mahasiswa perguruan tinggi di Malaysia (mungkin di peringkat Sarjana) maka para siswazah berpeluang untuk mengenali pencapaian para sarjana Rusia dan mungkin mendorong untuk membuat penyelidikan sendiri. Sudah pasti keadaan ini akan memberi sumbangan yang lebih bererti kepada pengkajian bahasa dan sastra Melayu secara amnya.

Bibliografi

Anuar 2006 – Anuar Ridhwan. *Bili i Nebili Ostrovov Ogosoto* (Naratif Ogonshoto). Kata pengantar dan terjemahan oleh Victor Pogadaev. Saint Petersburg: Paideiya.

Aziz 2002 - Aziz Deraman. *Stranstviya Poeta* (Kembara Penyair). Penyelia N.M. Smurova. M.: Humanitary.

Aziz 2004 – Aziz Deraman. “Chotki Starogo Cheloveka” (Tasbih Orang Tua).”Inostrannaya Literatura”, N2.

Baha 2003 - Baha Zain. *Maski (Topeng-Topeng)*. Penyelia N.M. Smurova. M: Gumanitariy.

Belkina 1972 - Belkina E.S., Pavlenko A.P., Ushakova L.I. *Russko-Indoneziyskiy Slovar'* (Kamus Rusia-Indonesia). Ed.Sjahrul Sjarif. M.: Sovetskaya Entsiklopediya.

Boldireva 1973 - Boldireva M.A. “Nekotorie Osobennosti Indoneziyskogo Stihoslozheniya” (Beberapa Keistimewaan Penyajakan Indonesia). “Problemi Vostocnogo Stihoslozheniya” (Masalah-Masalah Penyajakan Timur). M.: Mauka.

Braginsky 1983 –Braginsky V. I. *Istoriya Malayskoy Literaturi* (Sejarah Sastra Melayu). M.: Vostochnaya Literatura.

Bulygin 1958 - Bulygin N.F., Ushakova L.I. *Karmanniy Russko-Indonesiyskiy Slovar'* (Kamus Kantong Rusia-Indonesia), M: Gosudarstvennoe Izdatel'stvo Inostrannih i Natsional'nih Slovarei.

Dashkiev - <http://nikolay-dashkiev.planetaknig.ru/read/6985-1.html>

Demidyuk 2004 - Demidyuk L.N., Pogadaev V.A. *Russko-Indoneziyskiy Slovar'* (Kamus Rusia-Indonesia). Ed. Demidyuk L.N. M.: Vostok-Zapad.

Golosa 1963 - *Golosa Trekh Tisaych Ostrovov. Stikhi Indoneziyskikh Poyetov* (Suara Tiga Ribu Pulau. Puisi Penyair-Penyair Indonesia). M: Vostochnaya Literatura.

Gorshunova - <http://leo.aha.ru/gorshunova/index.shtml>

Hashim 2005 - Hashim Yaacob. *Poyushy Bambuk* (Buluh Seruling). Penyelia E. Kukushkina. M.: Humanitary.

Kemala 2001- Kemala. *Stikhi* (Puisi). Penyelia N.M. Smurova. M.: Humanitary.

Kisselbrenner 1994 - Kisselbrenner G.L. “Ot Ekaterini do Suharto” (Sejak Zaman Cathrine the Great Sampai Zaman Suharto). “Knizhnoe Obozrenie”, № 11, 15.3.

Korigodskiy 1961 - Korigodskiy R.N., Kondrashkin O.N., Zinowyev B.I. *Indoneziysko-Russkiy Slovar'* (Kamus Indonesia-Rusia). Ed. Suhadiono, A. S. Tesyolkin. M.: Gosudarstvennoe Izdatel'stvo Inostrannih i Natsional'nih Slovarei.

- Korigodskiy 1990 - Korigodskiy R.N., Kondrashkin O.N., Zinoweyev B.I., W.N. Losyagin. *Bol'shoy Indoneziysko-Russkiy Slovar'* (Kamus Besar Indonesia-Rusia). 1-2 jilid. Ed. R.N. Korigodskiy. M.: Russkiy Yazik.
- Lufti 1971 - Lufti Abbas. "Apakah Orang Indonesia Boleh Mengerti Orang Melayu". "Jurnal Dewan Bahasa", No.3.
- Neverman 1961 - G. Neverman *Golos Buyvola. Malayskie Narodnie Pesni* (Suara Kerbau. Lagu-lagu Rakyat Melayu). M.: Vostochnaya Literarura.
- Parnickel 1980 - Pamickel B. *Vvedenie v Literaturnuyu Istoriyu Nusantari* (Pengantar Sejarah Sastra Nusantara). M.: Vostochnaya Literarura.
- Parnickel 1995 – Pamickel B. *Penelitian Sastra Nusantara di Rusia*. KL: DBP.
- Persatuan 1996 - "Persatuan Nusantara Russia". "Warta Gapena". Kuala Lumpur, Ogos, p. 11.
- Poerwadarminta 1976 - Poerwadarminta W.J.S. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Pogadaev 1986 - Pogadaev V.A., Rott N.V. *Russko-Malayziyskiy Slovar'* (Kamus Bahasa Rusia-Bahasa Malaysia). Ed. V.A. Pogadaev. M: Russkiy Yazik.
- Pogadaev 1996 - Pogadaev V. "L. A. Mervart (1889-1965)". "Jurnal Dewan Bahasa", Vol. 40, No. 3, 276 - 279.
- Pogadaev 1996 - Pogadaev V. "A. P. Pavlenko (1939-1970)". "Jurnal Dewan Bahasa". Vol 40, No. 1, 88-90.
- Pogadaev 2008 – Pogadaev V.A. *Kamus Indonesia-Rusia dan Rusia-Indonesia*. M.: Russkiy Yazik – Drofa.
- Rahimidin 2007 – Rahimidin Zahari. *Zamok iz Peska* (Istana Pasir). Diselenggarakan dan diterjemahkan oleh Victor pogadaev. M.: Klyuch-C.
- Rendra 2000 - Rendra. *Stansi, Balladi, Psalmi, Pamfleti i Drugie Pesni*. M.: Humanitary.
- Rott 1977 - Rott N.V., Pogadaev V.A., Pavienko A.P. *Malayziysko-Russko-Angliyskiy Slovar'* (Kamus Malaysia-Rusia-Inggeris). M.: Russkiy Yazik.
- Ruchei 1996 - *Ruchei* (Sumur di Ladang). Penyelia Boris Parnickel . M.: Krasnaya Gora.
- Stiller 1965 - Stiller R. "Indoneziysko-Russkiy Slovar'" (Kamus Indonesia-Rusia). "Recznik Orientalistyczny". Vol. XXVIII, No. 2. Warsaw.
- Taufiq 2004 - Taufiq Ismail. *Rendez-Vous*. Penyelia E. Kukushkina. M: Humanitary.
- Teuku 1984 - Teuku Iskandar. *Kamus Dewan*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Nusantara 1996 - "The Nusantara Society". "European Newsletter of South-East Asian Studies". Leiden, N 1, Vol. 9, 51-52.
- U Obochini 1963 - *U Obochini Shosse* (Di Tepi Jalan). Rasskazi Sovremennih Malayskih Pisatelei (Cerpen-Cerpen Penulis Melayu Moden). M.: Vostochnaya Literatura.
- Veselovsky 1940 - Veselovsky A.N. *Istoricheskaya Poetika* (Puitika Sejarah). Leningrad: Goslitizdat.